



BAHASA MELAYU

Tingkatan 2 | September

Bahan PdP | Minggu 1

Ubat tradisional

A. Kesalahan Sistem Bahasa

B. Membuat rumusan

C. Soalan berformat Ujian Formatif

D. Penulisan karangan - Introduksi

E. Karangan contoh – Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan remaja

Munshi K'Seven

www.iks.edu.my | 016-477 2777

A. Kesalahan Sistem Bahasa

Ayat-ayat di bawah mengandungi tiga kesalahan bahasa. Kenal pasti dan tulis jawapan pada ruang yang disediakan.

[1] Orang tua-tua dahulu menggunakan pelbagai tumbuh-tumbuhan di sekeliling mereka sebagai penawar untuk mengubati penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, asma, resdung, dan sebagainya. [2] Ubat-ubatan tersebut masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat hari ini meski pun perubatan moden berkembang maju. [3] Namun demikian, ubat-ubat tradisional kini diberi nafas baru agar penggunaannya sesuai dengan keperluan semasa dan kehendak pengguna.



pun --> kata penegas --> juga -> Mereka pun

	Kesalahan	Pembetulan
A1	pelbagai tumbuh-tumbuhan	pelbagai tumbuhan / tumbuh-tumbuhan
A2	meski pun	meskipun
A3	baru (kata adverba)	baharu



[A4] Ubat-ubat tradisional kini berlambak di dalam pasaran bak cendawan tunibuh selepas hujan. [A4] Ubat-ubatan ini banyak menggunakan bahan semulajadi, iaitu pokok, akar, herba, dan lain-lain. [A5] Masyarakat percaya bahawa ubat ini tidak mengandungi bahan kimia yang dapat menjejaskan kesihatan, selain daripada pemakanan dan penggunaannya mudah kerana dibuat dalam bentuk cecair, kapsul, krim dan sebagainya.

	Kesalahan	Pembetulan
A4	di dalam --> tempat yg ada ruang --> bilik	dalam
A5	semulajadi	semula jadi
A6	selain daripada (selain = lain daripada)	selain

[A7] Selain itu, kegunaan ubat-ubat tradisional turut digemari kerana tidak memerlukan kos pembelian yang mahal kerana menggunakan bahan semula jadi. [A8] Rawatan yang diterima oleh pesakit pula bukanlah secara saintifik, malahan kadangkala hanya gunakan jampi serapah. [A9] Hal ini membolehkan mereka membayar



1. adverba --> kata kerja --> tekun belajar / berusaha gigih
2. adverba --> kata adjektif --> sangat sihat
3. adverba --> adverba --> amat sangat sihat

kos rawatan mengikut kemampuan sendiri, terutama bagi golongan yang kurang kemampuan.

	Kesalahan	Pembetulan
A7	kegunaan (=faedah)	penggunaan
A8	gunakan (psf)	menggunakan
A9	kemampuan (kata nama)	<u>berkemampuan (adjektif)</u>



[10] Masyarakat luar bandar pula memilih ubat-ubat tradisional kerana berkaitan budaya dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. [11] Mereka yakin bahawa kebanyakan ubat tersebut mampu merawat pelbagai penyakit. [12] Ramai pesakit sembuh setelah mengamalkan perubatan tradisional.

	Kesalahan	Pembetulan
A10	berkaitan	berkaitan dengan (sso/sst)
A11	kebanyakan	ke.banyak.an
A12	Ramai --> kata adjektif --> suasana --> 1. riuh 2. meriah 3. sibuk 4. hebat	banyak --> bilangan --> manusia / benda / haiwan

[13] Kesimpulannya, ubat-ubatan tradisional akan terus berada dalam pemasaran dan mampu menembusi pasaran global pada masa akan datang. [14] Hal ini dikatakan demikian kerana ubat-ubatan ini terus mendapat kepercayaan masyarakat, selain menerima galakan dari kerajaan. [15] Tempatnya bukan lagi di kaki lima-kaki lima tetapi di gedung beli-belah.

	Kesalahan	Pembetulan
A13	pemasaran (=usaha memasarkan)	pasaran
A14	dari --> A A T M	daripada --> K A B O O S
A15	kaki lima-kaki lima	kaki-kaki lima

**Kalau tidak dipecahkan
ruyung, masakan dapat
sagu**



B. Pemindahan Maklumat

Baca petikan tersebut dengan telitinya. Kemudian tulis satu **rumusan** mengenai **ubat tradisional**. Panjang ringkasan anda hendaklah **antara 80 – 100 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal.

Orang tua-tua dahulu menggunakan pelbagai tumbuh-tumbuhan di sekeliling mereka sebagai penawar untuk mengubati penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, asma, resdung, dan sebagainya. Ubat-ubatan tersebut masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat hari ini meski pun perubatan moden berkembang maju. Namun demikian, ubat-ubat tradisional kini diberi nafas baru agar penggunaannya sesuai dengan keperluan semasa dan kehendak pengguna.

Ubat-ubat tradisional kini **berlambak** di dalam pasaran bak cendawan tunibuh selepas hujan. Ubat-ubatan ini **banyak menggunakan bahan semulajadi**, iaitu pokok, akar, herba, dan lain-lain. Masyarakat percaya bahawa ubat ini **tidak mengandungi bahan kimia yang dapat menjejaskan kesihatan**, selain daripada **pemakanan dan penggunaannya mudah kerana dibuat dalam bentuk cecair, kapsul, krim dan sebagainya**.

Selain itu, kegunaan ubat-ubat tradisional turut digemari kerana **tidak memerlukan kos pembelian yang mahal** kerana menggunakan bahan semula jadi. **Rawatan yang diterima oleh pesakit pula bukanlah secara saintifik**, malahan **kadangkala hanya gunakan jampi serapah**. Hal ini **membolehkan mereka membayar kos rawatan mengikut kemampuan sendiri**, terutama bagi golongan yang kurang kemampuan.

Masyarakat luar bandar pula memilih ubat-ubat tradisional kerana **berkaitan budaya dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun**. Mereka **yakin bahawa kebanyakan ubat tersebut mampu merawat pelbagai penyakit**. **Ramai pesakit sembuh setelah mengamalkan perubatan tradisional**.

Kesimpulannya, ubat-ubatan tradisional akan terus berada dalam pemasaran dan mampu **menembusi** pasaran global pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana **ubat-ubatan ini terus mendapat kepercayaan masyarakat**, selain **menerima galakan dari kerajaan**. Tempatnya bukan lagi di kaki lima-kaki lima tetapi di gedung beli-belah.

Rumusan membincangkan sebab-sebab masyarakat menggemari perubatan tradisional.

Antara sebabnya ialah ubat-ubatan tradisional banyak menggunakan bahan semula jadi seperti akar dan herba. Masyarakat juga percaya bahawa ubat ini tidak mengandungi bahan kimia yang dapat menjejaskan kesihatan. Selain itu, ubat-ubatan tradisional tidak memerlukan kos pembelian yang tinggi. Hal ini membolehkan mereka membayar kos rawatan mengikut kemampuan sendiri. Bukan itu sahaja, perubatan tradisional berkaitan dengan budaya dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. Mereka yakin bahawa kebanyakan ubat tersebut mampu merawat pelbagai penyakit.

Kesimpulannya, perubatan tradisional hendaklah diamalkan oleh masyarakat agar dapat hidup sihat dan bahagia.

[99 patah perkataan]

C. Sistem Bahasa

Soalan Berformat Ujian Formatif

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1.



Pada musim buah-buahan, durian _____ di pasar malam dan tepi jalan.

- A. berduyun-duyun =beramai-ramai
- B. berlambak-lambak ✓
- C. berbondong-bondong
- D. berpusu-pusu

2. Masyarakat percaya bahawa ubat tradisional tidak mengandungi bahan kimia yang dapat membahayakan kesihatan.

- A. mengancamkan
- B. memudaratkan ✓
- C. membejatkan (akhlak) = merosakkan
- D. menjahanamkan = merosakkan

3.



Masyarakat digesa mengamalkan gaya hidup sihat agar hidup bahagia di dunia akhirat. =sepanjang hidup / hayat

- A. melaksanakan
- B. mengekalkan
- C. menjalankan
- D. mengamalkan ✓ =membudayakan

4

Hal ini membolehkan mereka membayar kos rawatan mengikut _____ sendiri, terutama bagi golongan yang kurang berkemampuan.

- A. kemampuan ✓
- B. keupayaan
- C. kebolehan
- D. kecekapan

D. Penulisan Karangan

Kaedah Membina Perenggan Introduksi

Tajuk	Ubat tradisional	Format	Tiada
Fokus	Sebab-sebab ubat tradisional mendapat perhatian masyarakat	Kepanjangan	40 – 50 patah perkataan

Ayat 1	Ayat Rangsangan [1] - Tajuk	Pada zaman Tok Nadur berkajang kain, nenek moyang menggunakan tumbuh-tumbuhan di sekeliling mereka sebagai ubat tradisional untuk mengubati pelbagai penyakit.
Ayat 2	Ayat Rangsangan [2] - Tajuk	Antaranya termasuklah tongkat ali, pegaga, kacip fatimah, halia hitam, mas cotek, dan sebagainya.
Ayat 3	Ayat Rangsangan [2] - Tajuk	Ubat-ubatan tersebut masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat hari ini meskipun perubatan moden berkembang maju.
Ayat 4	Ayat Fokus - Fokus	Yang menjadi pokok perbincangan ialah sebab-sebab masyarakat masih menggemari ubat-ubatan tradisional.

Perenggan Pendahuluan yang Lengkap

Genggam Bara Api Biarlah Sampai Jadi Arang

Karangan Contoh

Kesan-kesan Penggunaan Telefon Bimbit dalam Kalangan Remaja

Kebanyakan remaja kini memiliki telefon bimbit. Bagi mereka, telefon bimbit merupakan barang keperluan yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka. Namun demikian, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan remaja dapat mengundang kesan baik dan buruk.



Dengan adanya telefon bimbit, remaja dapat menghantar sesuatu maklumat melalui WhatsApp atau Telegram kepada ibu

bapa, keluarga, sahabat handai, dan sebagainya atau sebaliknya. Penggunaan khidmat ini memberikan kebaikan kepada remaja kerana dapat menghantar maklumat yang penting, terutama hal kecemasan dengan cepatnya.

Bersesuaian dengan jiwa remaja, telefon bimbit juga menjadi alat hiburan kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan telefon bimbit kini mempunyai fungsi radio, pemain muzik, pembesar suara, pembesar suara stereo dengan bunyi keliling, dan kekunci muzik khas. Remaja boleh memmuat turun seberapa banyak lagu dan gambar yang diminati. Oleh itu, remaja tidak terdorong untuk berhibur di pusat hiburan dan seterusnya terhindar daripada gejala sosial.

Telefon bimbit turut memberikan kesan negatif jika para remaja tidak bijak menggunakannya terutama bagi mereka yang masih belajar. Penggunaan telefon bimbit tanpa kawalan akan meningkatkan jumlah bil yang terpaksa dilunaskan. Bagi remaja yang menggunakan kad prabayar pula, lebih banyak wang akan digunakan untuk menambah nilai kad tersebut. Hal ini membazirkan wang dan masa hanya untuk berbual-bual. Alangkah baiknya sekiranya wang dan masa mereka digunakan untuk membeli atau membaca buku kerana masa itu emas.

Kecanggihan teknologi membolehkan telefon bimbit kini berfungsi sebagai kamera dan video yang memudahkan penghantaran dan penerimaan gambar serta rakaman video. Remaja bakal terjebak dalam gejala tidak sihat sekiranya kemudahan ini disalahgunakan untuk menghantar dan menerima gambar dan rakaman video lucah.

Secara tuntasnya, ibu bapa perlulah memantau anak-anak mereka agar tidak menyalahgunakan telefon bimbit. Remaja pula perlulah memanfaatkan penggunaan telefon bimbit agar tidak silap langkah dalam dunia teknologi maklumat.

- Tamat -